

KONSEP MASLAHAH DAN ETIKANYA DALAM PERNIAGAAN MENURUT ISLAM

Oleh:
Mohd Ramizu bin Abdullah¹

Abstrak

Perniagaan akan menjadi satu ibadah jika ia dilaksanakan mengikut landasan ajaran Islam. Justeru artikel ini mengupas topik berkenaan konsep masalahah yang perlu wujud dalam disiplin perniagaan yang berlandaskan ajaran syariat Islam. Artikel ini juga merungkaikan tentang etika-etika masalahah yang mesti diambil kira oleh para peniaga muslim yang mahukan keuntungan di akhirat melalui perijanaan perniagaan di dunia yang adil dan berteraskan skim perniagaan Islam.

PENDAHULUAN

Perniagaan adalah aktiviti kemasyarakatan yang tidak boleh dipisahkan dari kehidupan manusia. Tidak mungkin ada orang yang boleh mengelakkan secara total dari aktiviti menjual mahupun membeli sekalipun mereka bukan tergolong dalam golongan usahawan untuk memenuhi keperluan seharian. Dengan aktiviti jual beli inilah maka terbentuk satu hubungan kemanusiaan antara satu sama lain. Justeru Islam sebagai *al-Din* yang syumul telah menggariskan prinsip-prinsip umum bagi memastikan perniagaan yang dijalankan itu bukan sahaja sekadar dapat memenuhi keperluan bahkan dapat mengelakkan dari sebarang pengeksploitasian atas hak-hak individu mahupun masyarakat. Ringkasnya perniagaan dalam Islam bukan hanya bermatlamat untuk memperolehi keuntungan duniawi semata, akan tetapi ingin mencapai kemaslahatan di akhirat juga. Pendek kata, adanya sesuatu *masalahah* yang ingin dicapai oleh syarak di sebalik pensyariatan perniagaan di dalam Islam.

¹ Mohd Ramizu bin Abdullah (M.A.), Pensyarah Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

KONSEP MASLAHAH

Perkataan *masalahah* adalah berasal dari bahasa Arab yang telah diguna pakai dalam bahasa Malaysia dengan perkataan *maslahat*² yang memberi maksud sesuatu yang berfaedah (berguna) atau usaha dan sebagainya yang mendatangkan faedah. Menurut Ibn Manzur *masalahah* merupakan kata terbitan yang membawa erti kebaikan (*al-salah*) iaitu sama dengan perkataan *manfa'ah* yang bererti kemanfaatan³. Perkataan *masalahah* adalah kata tunggal kepada perkataan *al-Masalih*, manakala perkataan *manfa'ah* adalah kata tunggal dari perkataan *al-Manafi'*. *Maslahah* juga diertikan kepada sesuatu perkara atau tindakan yang boleh mendatangkan kebaikan.

Mengikut pengertian istilah pula, al-Ghazali menjelaskan bahawa *masalahah* pada asalnya bermaksud menghasilkan kebaikan dan menghindari keburukan⁴ yang menjadi objektif syarak di sebalik pentaklifen hukum syarak terhadap manusia. Ertinya *masalahah* itu adalah suatu tindakan bagi memelihara atau menghormati kehendak syarak yang termasuk dalam menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda manusia. Maka apa sahaja yang boleh mencapai objektif ini adalah dikira sebagai *masalahah*, manakala yang disebaliknya pula dianggap sebagai *mafsadah*.

'Izz al-Din 'Abd al-Salam⁵ menjelaskan bahawa *masalahah* terangkum dalam dua perkara iaitu hakiki dan majazi. Secara hakikinya *masalahah* itu adalah kegembiraan atau kelazatan manakala secara majazinya *masalahah* itu adalah punca yang membawa kegembiraan atau kelazatan tersebut. Justeru kadang kala sesuatu sebab yang *masalahah* boleh dianggap *mafsadah*, dan begitulah sebaliknya.

² *Kamus Dewan Edisi Ke Empat* (2010), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1003.

³ Ibn Manzur (1994), *Lisan al-'Arab*, jld. 2, Bayrut: Dar al-Fikr, h. 517.

⁴ Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali (1997), *Al-Mustasfa min 'Ilm al-'Usul*, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 216 – 223.

⁵ Muhammad 'Izz al-Din 'Abd al-'Aziz Ibn Abd al-Salam (t.t), *Qawai'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, jld. 1, Bayrut: Dar al-Ma'rifah, h. 3.

CIRI-CIRI MASLAHAH YANG DIKEHENDAKI SYARAK

Tidak syak lagi bahawa penentuan ciri-ciri *masalahah* sebagaimana kehendak syarak adalah sangat diperlukan oleh seseorang mujtahid sebelum mampu menghasilkan sesuatu ijtihad yang bertepatan dengan landasan syariat itu sendiri. Ciri-ciri *masalahah* yang dikehendaki itu akan menjadi ukuran utama di sisi mujtahid tatkala ia menatapi segala dalil-dalil syarak yang berkaitan secara terperinci. Antara ciri-ciri yang digariskan oleh para fuqaha ialah⁶:

1. Sumber penentu sesuatu *masalahah* mestilah hasil dari roh syariat itu sendiri, bukannya berdasarkan kehendak hawa nafsu atau semata-mata akal manusia sahaja. Sebagaimana yang diketahui akal manusia itu sifatnya adalah terbatas, dan terikat dengan sesuatu tempoh masa dan tempat sahaja. Akal juga tidak berkemampuan untuk mengelak dari pengaruh perasaan, cita rasa, kehendak dan kecenderungan seseorang individu. Malahan ia juga tidak mengetahui kesemua hal-hal yang sudah berlalu pada masa-masa lalu mahupun masa kini, bahkan perkara-perkara yang akan berlaku pada masa depan. Oleh yang demikian, keputusan akal semata-mata pasti tidak akan terselamat dari kesalahan dalam mentafsir atau menghurai sesuatu yang berlaku. Ini menunjukkan bahawa akal tetap memerlukan panduan syarak sebagai ukuran yang dapat memastikan sesuatu keputusan yang terhasil itu selari dengan kehendak syarak itu sendiri.
2. *Maslahah* dan *mafsadah* di dalam syariat Islam tidak hanya terhad untuk memelihara kepentingan hidup di dunia semata-mata bahkan juga mengambil kira penilaian akhirat. Ini bermaksud setiap perbuatan yang dilakukan yang boleh menghasilkan kebaikan adalah dianggap sebagai melakukan perbuatan yang soleh dan layak mendapat ganjaran pahala di akhirat nanti. Sekalipun ganjaran itu sesuatu yang tertangguh pada masa akan datang iaitu di akhirat, namun ia dianggap sebagai mencapai *masalahah* mengikut kaca mata syarak. Ini adalah merupakan intipati kepada kepercayaan

⁶ Yusof Hamid al-Alimi (1993), *Al-Maqasid al-Ammah li al-Shariah al-Islamiyyah*, al-Maghrib: Dar al-Aman, h. 140.

seseorang muslim terhadap perkara-perkara ghaib seperti kewujudan hari akhirat, dosa pahala dan sebagainya.

3. *Maslahah* yang dikehendaki oleh syarak tidak hanya terhad dalam skop duniawi, dan ia juga tidak seharusnya tertumpu untuk memperolehi kelazatan kebendaan semata-mata, kerana fitrah manusia yang sihat turut berkeinginan untuk mencapai kelazatan spiritual (rohani) iaitu boleh menundukkan kehendak hawa nafsu. Penyucian jiwa kemanusiaan yang terhasil daripada keimanan dan amal ibadat yang berterusan yang dilakukan oleh seseorang hamba menimbulkan kesan yang positif yang boleh mendatangkan kelazatan dan kebahagiaan dalam diri mereka⁷. Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang mensabitkan sesuatu hukum yang berkaitan langsung dengan ketahanan jiwa dan usaha-usaha untuk mengubati penyakit-penyakit hati seperti sombong, dengki, sikap menunjuk-nunjuk dan sebagainya. Ini jelas membuktikan bahawa *maslahah* dalam syariat Islam tidak hanya terhad terhadap kelazatan kebendaan atau material semata, bahkan lebih daripada itu.
4. Kemaslahatan agama menjadi asas yang utama dan mendahului mana-mana kemaslahatan yang ada. Bahkan wajib ke atas setiap mukallaf memperjuangkannya mengatasi kepentingan-kepentingan lain selain daripada kemaslahatan agama. Tidak dinafikan jihad adalah diwajibkan ke atas seorang mukmin sekalipun ianya mampu mengancam nyawa atau harta benda demi mempertahankan agama⁸.

⁷ Muhammad 'Abd 'Ati (2007), *Maqasid al-Shari'ah wa Atharuha fi al-Fiqh al-Islamiy*, Kaerah: Dar al-Hadith, h. 103-110.

⁸ Yusuf Hamid al-'Alimi, *op.cit*, h. 147.

KONSEP DAN KEPENTINGAN PERNIAGAAN DALAM ISLAM

Perniagaan dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-tijarah*. Mengikut Ibn Manzur, perkataan *al-tijarah*⁹ berasal daripada *tajara* yang memberi maksud urusan pembelian dan penjualan. Al-Quran menggunakan perkataan *al-tijarah* sebanyak enam kali bagi menggambarkan kepentingan perniagaan kepada manusia. Bahkan Allah menyifatkan orang-orang yang membaca kitab al-Quran, menunaikan solat, membelanjakan harta ke jalan Allah ialah orang yang mengharapkan perniagaan (*tijarah*) yang tidak akan rugi.

Menurut Badr al-Din al-'Ayni dalam menghuraikan kitab *Sahih al-Bukhari*, al-Bukhari sengaja memasukkan bab yang berkaitan dengan perniagaan iaitu *Kitab al-Buyu'* selepas bab-bab berkenaan dengan ibadah adalah kerana kepentingan perniagaan itu sendiri berbanding bab perkahwinan, kekeluargaan mahupun jenayah. Menurutnyanya terdapat ulama yang berpandangan bahawa ramai manusia mampu untuk tidak berkahwin tetapi semua manusia pastinya tidak akan terlepas daripada terlibat dalam bidang perniagaan, sama ada sebagai penjual atau pun pembeli.¹⁰

Asas hukum dalam muamalat Islam terutamanya perniagaan adalah bertunjang kepada *maqasid* atau objektif yang jelas yang mampu difikirkan secara rasional oleh akal manusia¹¹. Berbeza dengan hukum-hukum yang berkaitan dengan ibadat-ibadat khusus seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan sebagainya kerana asas hukumnya adalah bersifat ketundukan dan pengabdian semata. Pun begitu tidaklah bermaksud ibadat-ibadat khusus itu sunyi daripada sebarang tujuan atau matlamat di sebalik pensyariatannya.

Bahkan bidang perniagaan juga dianggap oleh para ulama sebagai bidang yang paling afdal untuk diceburi. Ini kerana mereka berpandangan bahawa hasil yang terbaik adalah hasil kerja yang

⁹ Ibn Manzur (1994), *op.cit.*, jld. 4, h. 89.

¹⁰ Badr al-Din, Abu Muhammad Mahmud Bin Ahmad al-'Ayni (2001), *'Umdah al-QariSyarh Sahih al-Bukhari*, jld. 11, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 226.

¹¹ Zaharudin bin Abd al-Rahman, *Maqasid al-Syaria'ah fi Ahkam al-Buyu'*, Kuala Lumpur: IIUM Press, h. 60-66.

diusahakan sendiri oleh seseorang manusia¹². Ini jelas terbukti melalui hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Miqdam bahawa Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

*"Tidaklah seseorang itu makan daripada makanan yang lebih baik daripada hasil apa yang diusahakan oleh tangannya sendiri. Sesungguhnya nabi Allah Dawud a.s makan daripada hasil yang diusahakan oleh tangannya sendiri"*¹³

Bidang perniagaan merupakan amalan yang biasa bagi masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam. Bahkan Rasulullah SAW sendiri pernah terlibat serta menguruskan perniagaan seorang hartawan iaitu Khadijah r.a sebelum memperisterikannya. Begitu juga tidak kurang daripada kalangan para sahabat yang melibatkan diri dalam perniagaan seperti Abd Rahman bin 'Auf, Uthman bin Affan dan sebagainya. Ini membuktikan bahawa perniagaan itu merupakan keperluan asas bagi sesuatu masyarakat sejak dahulu lagi. Justeru Islam tidak pernah menghalang aktiviti perniagaan ini bahkan menggalakkan umatnya menjadi seorang usahawan yang berdikari serta mampu mencipta keuntungan yang besar seterusnya dapat membelanjakan keuntungan tersebut pula ke jalan Allah swt.

FALSAFAH PERNIAGAAN DALAM ISLAM

Falsafah perniagaan Islam adalah merupakan manifestasi daripada falsafah kehidupan yang telah digariskan oleh Islam itu sendiri. Berbeza dengan falsafah perniagaan barat yang sentiasa berubah-ubah berdasarkan perkembangan pengalaman yang mereka lalui. Ertinya perniagaan mereka tidak mempunyai prinsip yang jelas berbanding dengan Islam yang sejak awal menggariskan satu falsafah yang jelas dan sesuai dengan kehidupan manusia sejagat.

Tujuan atau matlamat tidak boleh dipisahkan daripada falsafah Islam yang diasaskan oleh tauhid. Ia mencerminkan kesan tauhid

¹² Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar (2001), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhariy*, jld. 4, Riyad: T.P, h. 356.

¹³ Lihat: Muhammad Ibn Ismail al-Bukhariy, *Sahih al-Bukhariy*, Kitab al-Buyu': Bab Kasb al-Rajul Wa 'Amaluhu Bi Yadihi, no Hadis: 1930, h.

dalam kehidupan manusia sebagaimana yang dikehendaki. Justeru, di antara tujuan sesuatu perniagaan itu diwujudkan ialah memenuhi tuntutan agama yang mana syariat Islam diturunkan bagi memenuhi tahap *daruriyyat* (keperluan utama) manusia yang boleh didefinisikan sebagai pemeliharaan lima perkara utama dalam kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Segala usaha menjaga serta memelihara kepentingan kelima-lima perkara utama tadi adalah dianggap *masalahah* (kebaikan) manakala usaha-usaha yang bertentangan dengannya dikira sebagai *mafsadah* (keburukan).

Oleh itu Islam mengharamkan *mafsadah* dalam kegiatan perniagaan kerana ia jelas boleh memberikan kesan yang negatif terhadap pencapaian *daruriyyat*, seperti pengharaman arak. Kita boleh memahami rasionalnya dengan menganalisa kesan negatif arak terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta manusia. Apabila ianya boleh menjejaskan perkara-perkara ini, ia akan merosakkan kehidupan bermasyarakat, menjejaskan ketahanan masyarakat yang akhirnya boleh menjurus ke arah ketidakstabilan politik serta berleluasanya jenayah dan sebagainya. Oleh yang demikian, kegiatan perniagaan dalam Islam adalah satu ibadah yang sekiranya dilakukan dengan niat yang ikhlas serta bersesuaian dengan kehendak syariat Islam akan mendapat keredaan Allah swt.

Jelas di sini bahawa aktiviti perniagaan bukan sahaja dilakukan untuk mendapatkan keuntungan semata-mata, tetapi pada masa yang sama menunaikan kewajipan sebagai anggota masyarakat Islam. Falsafah ini sesuai sekali dengan falsafah ekonomi Islam itu sendiri¹⁴ iaitu perniagaan yang bersifat *rabbani* ataupun berprinsipkan ketuhanan. Dengan kata lain, segala tindakan yang dilakukan oleh seorang ahli perniagaan hendaklah akur dengan perintah Allah dan tidak boleh lari daripada hukum yang telah ditetapkan oleh Allah. Menurut Yusuf al-Qaradawi¹⁵, asas kepada aktiviti perniagaan dan ekonomi Islam mestilah bertunjangkan akidah Islam yang jernih. Ini boleh dibuktikan melalui firman Allah swt yang bermaksud:

"Dan apabila mereka mengetahui kedatangan barang-barang dagangan (yang baru tiba) atau

¹⁴ Yusuf al-Qaradawiy (1995), *Dawr al-Qiyam wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islamiy*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 29-31.

¹⁵ *Ibid*, h. 30.

(mendengar) sesuatu hiburan, mereka bersurai (lalu pergi) kepadanya dengan meninggalkan engkau berdiri (di atas mimbar berkhutbah). Katakanlah (wahai Muhammad: pahala, balasan) yang ada di sisi Allah, lebih baik dari hiburan dan barang-barang dagangan itu dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki."

Al-Jumu'ah (62): 11

Dalam ayat di atas, Allah telah menampelak mereka yang mengutamakan perniagaan sehingga mengabaikan kewajiban mendengar khutbah dan menunaikan solat Jumaat, sedangkan yang memberikan rezeki kepada mereka itu adalah Allah dan bukannya perniagaan itu sendiri. Maksudnya, ayat ini menjelaskan bahawa segala urusan penting yang wujud dalam dunia perniagaan tidak boleh dilakukan sehingga mengabaikan kewajiban utama seperti sembahyang, puasa, haji dan sebagainya.

Ringkasnya falsafah perniagaan Islam adalah berpaksikan ibadah kepada Allah serta untuk menjalinkan hubungan yang baik antara manusia dan alam. Jika perkara asas itu diabaikan, perniagaan itu dianggap tidak mendatangkan apa-apa keuntungan sekalipun wang yang diperolehi adalah banyak. Keuntungan wang adalah bukan matlamat utama umat Islam. Ini kerana matlamat keuntungan duniawi adalah sebenarnya sekadar wasilah sahaja untuk mencapai keuntungan sebenar di akhirat nanti. Matlamat ini perlu dijadikan asas kepada perniagaan.

ETIKA DAN PRINSIP MASLAHAH DALAM PERNIAGAAN

Menurut Kamus Dewan, etika bermaksud ilmu berkaitan prinsip-prinsip akhlak atau moral ataupun juga prinsip moral (atau akhlak) atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan¹⁶. Oleh itu apabila disebut etika perniagaan, ia memberi erti peraturan-peraturan yang membatasi gelagat atau tindakan manusia dalam kegiatan perniagaan. Sudah tentu etika perniagaan yang ingin dibincangkan ini perlulah diadaptasikan berdasarkan intipati dari kedua-dua sumber utama hukum Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

¹⁶ Kamus Dewan Edisi Ke Empat (2010), *op. cit.*, h. 401.

Di antara etika atau prinsip-prinsip yang digariskan untuk mencapai *masalah* dalam perniagaan adalah seperti berikut :

1. Amanah dan benar dalam semua urusaniaga

Dalam keghairahan mencari keuntungan dalam perniagaan, Islam menuntut para peniaga bersikap amanah dan tidak mengaburi mata pelanggan dengan pelbagai helah seperti mengurangkan kadar timbangan dan sukatan. Perbuatan seumpama ini adalah dilarang dan tercela dalam Islam. Termasuk juga dalam kategori tidak menyempurnakan sukatan dan timbangan ini, perbuatan mengurangkan kualiti dan kuantiti sesuatu barangan.

Bagi menunjukkan hina dan tercelanya perbuatan menipu dalam sukatan dan timbangan ini, Allah SWT telah menempelak peniaga yang berbuat demikian di dalam surah *al-Mutaffifin*, maksudnya:

Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan), Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) daripada orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi.

Al-Mutaffifin (83): 1-3

Terdapat banyak ayat yang memerintahkan agar disempurnakan sukatan dan timbangan dalam aktiviti perniagaan. Antaranya firman Allah dalam surah *al-Isra'* yang bermaksud:

"Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat, dan timbanglah dengan timbangan yang adil. Yang demikian itu baik (kesannya bagi kamu di dunia) dan sebaik baik kesudahan (yang mendatangkan pahala di akhirat kelak)".

Al-Isra' (17): 35

Manakala dalam surah *al-Rahman*, Allah SWT berfirman sebagaimana maksudnya:

"Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang".

Al-Rahman (55): 9

Semua ayat-ayat di atas memerintahkan agar disempurnakan timbangan dan sukatan dalam setiap urusan niaga. Bahkan dalam surah al-Isra' tadi, Allah SWT turut menjanjikan kesan dan kesudahan yang baik di dunia dan di akhirat bagi mereka yang berbuat demikian. Namun demikian, wajar diingatkan bahawa sekiranya perintah dan suruhan ini tidak diendahkan, ia boleh menyebabkan turunnya bala dan azab Allah SWT, sebagaimana berlakunya terhadap penduduk Madyan, kaum nabi Syu'ib AS¹⁷.

Dalam keghairahan mempromosi dan menarik pelanggan, pelbagai cara dan strategi dibuat dengan tujuan melariskan barang jualan. Sungguhpun perbuatan itu dibolehkan, namun sebagai perniagaan yang beriman mereka sewajarnya tidak alpa dan lupa bahawa Islam melarang sebarang bentuk penipuan dalam perniagaan. Menipu ialah melakukan suatu helah untuk kepentingan diri sendiri dan memudharatkan orang lain.

Pelbagai cara penipuan boleh berlaku dalam aktiviti perniagaan seperti memalsukan tandatangan, menjual barang tiruan dengan harga yang mahal dan menipu pelanggan dengan iklan-iklan yang palsu. Termasuk juga dalam perbuatan menipu ialah perbuatan bersumpah dengan nama Allah dengan tujuan melariskan barang jualan seperti menyatakan *"Demi Allah, barang ini adalah paling murah dijual di kota ini dan saya hanya menjual harga modal sahaja"*, sedangkan hakikat yang sebenar adalah sebaliknya.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى صُبْرَةٍ
طَعَامٍ فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيهَا فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ بَلَلًا فَقَالَ مَا هَذَا يَا صَاحِبَ
الطَّعَامِ ؟ قَالَ أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللَّهِ . قَالَ أَفَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ
الطَّعَامِ كَيْ يَرَاهُ النَّاسُ مَنْ عَشَّ فَلَيْسَ مِنِّي .

¹⁷ Surah Hud (11): .

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW telah melalui setimbunan makanan (yang dijual) seraya memasukkan tangannya ke dalam timbunan makanan tersebut dan mendapati jari-jemarinya basah. Rasulullah SAW bersabda, apakah semua ini wahai pemilik makanan? Lelaki itu menjawab; Makanan ini telah ditimpa hujan wahai Rasulullah SAW. Seraya Rasulullah bersabda: Kenapa tidak kamu jadikan yang basah itu di sebelah atas makanan agar manusia dapat melihatnya, barang siapa yang menipu maka ia bukan dari agamaku (yang sempurna).¹⁸

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ الْأَنْصَارِيِّ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِيَّاكُمْ وَكَثْرَةَ الْخَلْفِ فِي الْبَيْعِ فَإِنَّهُ يُنْفِقُ ثُمَّ يَمْحَقُ.

Diriwayatkan oleh Abi Qatadah al-Anshari, sesungguhnya ia telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Awas kamu dari banyak bersumpah dalam berniaga. Sesungguhnya (kadang kala) banyak bersumpah dalam berniaga boleh melariskan barangan akan tetapi selepas itu ia akan menghilangkan barakahnya.¹⁹

Berpandukan kepada kedua-dua hadis di atas, sebagai peniaga yang beriman dan berpegang teguh kepada ajaran agama, dia hendaklah mengelak dari sebarang bentuk penipuan dan banyak bersumpah dalam keghairahan melariskan barangan jualan dan mendapat keuntungan daripadanya.

¹⁸ Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairiy (t.t), *Al-Jami' al-Sahih*, Bab; Man Ghashshana Fa Laysa Minna, juz. 1, Bayrut: Dar al-Jil, h. 69.

¹⁹ Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairiy (t.t), *Al-Jami' al-Sahih*, Bab; Al-Nahy 'an al-Halif fi al-Bay'i, juz. 5, Bayrut: Dar al-Jil, h. 56.

2. Tidak terlibat dengan amalan riba

Riba merupakan perkara yang diharamkan dalam Islam. Orang yang menyatakan riba adalah halal akan menjadi kufur dan terkeluar dari Islam, kerana riba adalah salah satu dari dosa besar yang wajib dielakkan oleh seorang muslim yang disebutkan secara jelas dalam al-Quran dan sunnah tentang pengharamannya.

Dimaksudkan dengan riba ialah sebarang tambahan dalam barangan tertentu (*ribawi*) dan tambahan di atas hutang akibat penangguhan tempoh. Di dalam surah al-Baqarah, ayat 289 dirakamkan bahawa Allah dan rasul memerangi pemakan riba. Firman Allah, dengan maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.

Al-Baqarah (2): 289

Dalam menjalankan aktiviti perniagaan, amalan riba hendaklah dielakkan sepenuhnya. Peniaga yang baik dan diredhai Allah SWT ialah peniaga yang mampu berniaga dengan berpandukan peruntukan syarak, bebas dari sebarang bentuk riba sama ada dalam mendapatkan modal, membuat simpanan, membuat pelaburan dan seumpamanya. Ini bersesuaian dengan konsep *masalahah* yang ingin dicapai melalui perniagaan iaitu mengelak daripada usaha penindasan terhadap khususnya pembeli atau pengguna yang sangat memerlukan sesuatu barangan yang dibelinya.

3. Tidak memonopoli barangan (*ihtikar*)

Perbuatan memonopoli barangan keperluan awam juga adalah perbuatan yang dilarang dalam Islam. Monopoli barangan keperluan seperti gula, beras, minyak dan seumpamanya biasanya dibuat para peniaga agar barangan keperluan berkurangan dipasaran dan hasilnya harga barangan tersebut dapat dinaikkan dan boleh dijual dengan lebih mahal. Dengan itu, perniaga akan mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda. Perbuatan terkutuk ini adalah dilarang dalam Islam kerana ia menyebabkan kemudharatan dan kesulitan kepada masyarakat awam, khususnya golongan miskin dan mereka yang berpendapatan rendah. Dalam satu hadis Rasulullah SAW bersabda;

عن معمر أن النبي (ص) قال: " مَنْ احْتَكَرَ فَهُوَ خَاطِئٌ .

Dari Ma'mar bahawa Rasulullah SAW bersabda;
Barang siapa memonopoli barangan (*ihtikar*) maka ia telah melakukan kesalahan.²⁰

Menurut Ibn Taimiah, antara bentuk monopoli yang diharamkan juga boleh berlaku dengan cara para perniaga bersepakat antara satu sama lain bagi menjual barangan dengan harga yang lebih tinggi dari harga pasaran.

Hikmah diharamkan perbuatan monopoli ini adalah bagi menolak kemudharatan atau kesulitan terhadap masyarakat umum. Para fuqaha telah berijmak pendapat bahawa sekiranya seseorang mempunyai makanan yang tidak ada pada orang lain; sedangkan orang lain sangat memerlukannya, maka dalam situasi seumpama ini diharuskan bagi pemerintah untuk memaksa pemilik makanan tersebut supaya menjual makanan yang berada dalam simpanannya. Tujuannya adalah bagi menolak kemudharatan terhadap masyarakat²¹.

²⁰ Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairiy (t.t), *Al-Jami' al-Sahih*, Bab; Tahrim al-Ihtikar fi al-Aqwat, juz. 5, Bayrut: Dar al-Jil, h. 56.

²¹ Mohd Abd al-Fattah al-Banhawiy (1999), *Fiqh al-Muamalat Dirasah al-Muqaranah*, Tanta: Jami'ah al-Azhar, h. 223.

4. Kontrak atau akad yang sah

Perniagaan adalah merupakan suatu proses melalui aktiviti jual beli, yang mana jual beli atau dalam bahasa Arabnya disebut *al-Baiy'* dari aspek bahasa bermaksud menukar suatu barang dengan suatu barang yang lain. Menurut mazhab Syafie, jual beli ialah pertukaran sesuatu harta benda dengan harta benda yang lain, yang keduanya boleh ditasharrufkan (dikendalikan), dengan ijab dan qabul menurut cara yang diizinkan oleh syarak²². *Al-Bai'* juga adalah kontrak pertukaran harta benda yang memberikan seseorang hak memiliki sesuatu benda atau manfaat untuk selama-lamanya, bukan dengan tujuan *al-qurbah* (mendampingi diri kepada Allah)²³.

Justeru terdapat lebih daripada sepuluh jenis akad jual beli dalam Islam yang boleh berlaku dalam bentuk dan gambaran yang berbeza. Antara jenis-jenis akad jual beli tersebut ialah:

- *Bai' al-sil'ah bi al-naqd* (بيع السلعة بالنقد): iaitu jual beli sesuatu barang dengan mata wang. Jenis ini adalah yang paling meluas berlaku dalam kalangan manusia. Contohnya ialah membeli sehelai baju dengan Ringgit Malaysia atau US Dollar dan seumpamanya.
- *Bai' al-muqayadhah* (بيع المقايضة): iaitu jual beli sesuatu barang dengan barang, seperti menjual baju dengan beg atau menjual binatang ternakan dengan beras dan sebagainya.
- *Bai' al-salam* (بيع السلم): ialah jual beli sesuatu barangan secara tangguh dengan bayaran harga secara tunai, seperti menjual barangan yang telah disifatkan butiran bentuk, spesifikasi, kualiti dan kuantiti secara terperinci dengan bayaran harganya dibuat secara tunai, manakala penyerahan barang ditangguhkan pada suatu masa yang ditetapkan.
- *Bai' al-sharf* (بيع الصرف): iaitu jual beli mata wang dengan mata wang yang sama atau berbeza jenis, seperti menjual emas dengan emas, perak dengan perak atau emas dengan perak, ringgit Malaysia dengan rial Saudi dan sebagainya.

²² Abu Bakr ibn Muhammad al-Husayniy (2005), *Kifayah al-Akhyar fi Hall Ghayat al-Ikhtisar*, al-Qaherah: Dar al-Salam, h. 305.

²³ Muhammad al-Khatib aal-Sharbiniy (t.t), *Mughni al-Muhtaj*, jld.2, T.T.P: Dar al-Fikr, h. 2.

- *Bai' al-murabahah* (بيع المrabحة): iaitu jual beli sesuatu barangan pada harga kos bersama tambahan margin keuntungan, seperti menjual sesuatu barangan berharga RM100 dengan harga kos dan ditambah pula margin keuntungan sebanyak RM10 yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
- *Bai' al-wadhiah* (بيع الوضعية): ia adalah lawan kepada jual beli secara murabahah, iaitu jual-beli yang dibuat atas sesuatu barangan dengan harga yang lebih murah dari harga kos, seperti harga barangan adalah RM10 dan dijual dengan harga RM9 atau lebih rendah.
- *Bai' al-tauliah* (بيع التولية): ialah jual beli sesuatu barangan dengan harga kos tanpa ada lebih mahupun kurang dari harganya. Seperti barangan berharga RM100 dijual dengan RM100.
- *Bai' al-urbun* (بيع العربون): iaitu satu bentuk jual beli di mana pembeli membayar sejumlah wang pendahuluan. Sekiranya jual beli diteruskan maka wang pendahuluan ini akan menjadi sebahagian daripada harga barangan. Jika tidak, maka wang yang ini tidak akan dikembalikan kepadanya.
- *Bai' al-talji'ah* (بيع التلجنة): ialah suatu bentuk jual beli yang dibuat oleh penjual yang dalam kesempitan (terpaksa) kerana kuatir dan takut hartanya diambil oleh orang lain. Bagi menyelamatkan hartanya, ia bersepakat dengan seseorang bagi menzahirkan akad jual beli dan menyembunyikan tujuannya yang sebenar. Seperti menjual rumah untuk mengelak dari dilelong oleh bank atau pemiutang.
- *Bai' al-wafa'* (بيع الوفاء): iaitu jual beli barangan dengan syarat apabila penjual membayar semula harga barangan yang dijual maka pembeli akan mengembalikan semula barangan yang dijual kepada penjual.
- *Bai' al-istishna'* (بيع الاستصناع): iaitu jual beli dalam bentuk tempahan pembuatan barang tertentu dengan spesifikasi yang tertentu yang menghendaki penjual, pemaju, pengilang atau orang lain membuatkan barangan yang ditempah tersebut untuk pembeli.
- *Bai' al-inah* (بيع العينة): iaitu jual beli yang berlaku antara penjual dan pembeli, di mana penjual menjual asetnya kepada pembeli dengan harga tangguh lebih tinggi, kemudian penjual membeli semula aset tersebut daripada pembeli dengan harga tunai yang lebih rendah. Keadaan sebaliknya boleh berlaku.

Kesimpulannya, kepelbagaian bentuk dan jenis-jenis akad, khususnya akad jual beli menunjukkan keunikan sistem muamalat dalam Islam. Kepelbagaian bentuk dan jenis ini tidak lain adalah untuk memenuhi hajat dan *masalah* yang diperlukan oleh manusia dalam kehidupan di dunia ini.

5. Harga yang adil

Peniaga dan usahawan haruslah menetapkan harga yang adil dan berpatutan terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan untuk pembeli. Harga haruslah mencerminkan interaksi normal antara permintaan dan penawaran. Ia tidak disebabkan oleh sesuatu yang diwujudkan dengan sengaja seperti keadaan monopoli atau beberapa pengusaha atau pembeli yang bergabung untuk meningkatkan harga atau disebabkan oleh spekulasi.

Harga yang tidak adil akan menyebabkan golongan yang tidak berkemampuan tidak dapat memiliki barangan keperluan mereka. Ia juga akan menyebabkan inflasi dan memberikan kesan terhadap daya saing barangan tempatan. Menaikkan harga tanpa sebab yang munasabah semata-mata mahu menambahkan keuntungan akan memberi kesan negatif terhadap jualan barangan jangka panjang.

Dalam analisa ekonomi, permintaan suatu barang terutama dipengaruhi oleh tingkat harganya. Dalam hukum permintaan diuraikan sifat hubungan nyata permintaan barang dengan tingkat harganya. Hukum permintaan pada hakikatnya merupakan hipotesis yang menyatakan: "*makin rendah harga suatu barang, maka makin banyak permintaan terhadap barang tersebut. Sebaliknya, makin tinggi harga suatu barang, maka makin sedikit permintaan terhadap barang tersebut*". Begitu juga sebaliknya, hukum penawaran yang menjelaskan tentang hubungan antara harga suatu barang dan jumlah barang tersebut yang ditawarkan para penjual. Ibnu Taimiyah menyebutkan dua sumber penyediaan barang (*supply*) iaitu produksi lokal dan import yang diterima.

Ibnu Taimiyah mengungkapkan bahawa jika masyarakat menjual barang dagangannya dengan harga normal (kenaikan harga dipengaruhi oleh kurangnya persediaan barang karena menurunnya *supply* barang), maka hal seperti ini tidak mengharuskan adanya regulasi terhadap harga. Kerana kenaikan harga tersebut merupakan

kenaikan harga yang adil dan berada dalam persaingan sempurna, tanpa unsur spekulasi.

Konsep Ibnu Taimiyah tentang harga yang setara atau adil memiliki kesamaan dengan konsep harga adil yang disampaikan oleh pemikir skolastis bernama Aquinas. Akan tetapi, Ibnu Taimiyah memberi makna yang lebih luas. Ia menganjurkan dalam menetapkan harga yang adil itu dengan pertimbangan apabila suatu barang tersebut tidak ada di suatu tempat. Secara eksplisit, ia mengajukan pertimbangan untuk mempertemukan antara nilai subjektif dari pembeli dengan nilai objektif dari penjual.

Tujuan utama dari harga yang adil adalah memelihara keadilan dalam mengadakan transaksi timbal balik dan hubungan-hubungan lain di antara anggota masyarakat. Pada konsep harga adil, pihak penjual dan pembeli sama-sama merasakan keadilan.

6. Menjauhi sifat *al-gharar* dalam jual beli

Di antara etika yang diberikan penekanan oleh Islam dalam urusan niaga ialah mengelakkan diri daripada *al-gharar* iaitu penipuan. Ini boleh dilihat melalui sabda Nabi saw sepertimana berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ
الْخَصَاةِ وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ

Daripada Abu Hurairah berkata: Rasulullah SAW melarang jual beli secara campak anak batu dan jual beli secara penipuan²⁴.

Hadis di atas secara jelas mengharamkan jual beli dengan cara mencampakkan anak batu dan penipuan. Berdasarkan dengan jual beli secara campak dapat difahami pada masa kini adalah seseorang membeli sesuatu secara "tikam" atau secara andaian dan tidak ada kepastian terhadap barang yang dia dapati tersebut.

²⁴ Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairiy (t.t), *Al-Jami' al-Sahih*, Bab; Butlan Bay'i al-Hasah, juz. 5, Bayrut: Dar al-Jil, h. 3.

Menurut bahasa Arab, makna *al-gharar* adalah *al-khathr* (pertaruhan)²⁵. Ibn Taimiyyah menyatakan bahawa *al-gharar* adalah yang tidak jelas hasilnya (*majhul al-a'qibah*)²⁶. Sedangkan menurut Sheikh al-Sa'di, *al-gharar* adalah *al-mukhatharah* (pertaruhan) dan *al-jahalah* (ketidakpastian). Semua perkara ini termasuk dalam kategori perjudian²⁷.

Oleh itu daripada penjelasan ini, dapat disimpulkan bahawa pengertian jual beli *al-gharar* adalah semua jual beli yang mengandungi ketidakjelasan, pertaruhan dan perjudian. Justeru dalam syariat Islam, jual beli berbentuk *gharar* ini adalah terlarang seperti mana sabda di atas kerana dalam sistem jual beli *gharar* ini mendatangkan *mafsadah* kerana terdapat unsur-unsur penipuan, memakan harta orang lain dengan cara yang batil dan hasil dari keuntungan yang tidak pasti. Allah SWT amat menegah dan melarang memakan harta orang lain dengan cara batil sebagaimana tersebut dalam firmanNya yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu Dengan jalan Yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia Dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)".

Al-Baqarah: 188

Ibn Taimiyyah menjelaskan bahawa pengharaman jual beli ini adalah merupakan larangan Allah dalam al-Quran iaitu larangan memakan harta orang lain secara batil, di samping diperkukuhkan lagi dengan sabda Baginda SAW di atas. Hikmah larangan jual beli ini adalah menampakkan pertaruhan dan menimbulkan sikap permusuhan pada orang yang dirugikan. Sehingga boleh membawa kepada kerugian yang besar kepada pihak lain. Larangan ini untuk menjaga *masalahah* harta agar tidak hilang dan serta bertujuan mengelak sikap permusuhan yang terjadi semasa berurusaniaga. Ini membuktikan bahawa syariat

²⁵ Ibn Manzur (1994), *op. cit.* jld. 5, h. 13-14.

²⁶ Majmu' al-Fatawa : 29/22

²⁷ Abd al-Rahman bin Nasir al-Sa'd (1992), *Bahjah Qulub al-Abrar wa Qurrah Ayyuni Al-Akhyar Fi Syarh Jawami' al-Akhbar*, Tahqiq: Asyraf Abd al-Maqsud, c. 2, Bayrut: Dar al-Jalil, h. 164.

Islam amat menitikberatkan soal muamalat (jual beli) agar dapat mendatangkan *masalah* kepada semua pihak.

7. Tidak melalaikan daripada ibadah khusus

Walaupun Islam menganggap bidang keusahawanan merupakan satu ibadat dalam konteksnya yang luas dan orang yang terlibat akan mendapat balasan yang baik sekiranya seseorang usahawan itu mempunyai niat yang baik dan melakukannya berdasarkan etika Islam, namun ini tidak bermakna dia boleh meninggalkan ibadat-ibadat khusus yang telah diwajibkan. Seseorang mukmin hendaklah menunaikan ibadat-ibadat ini bila tiba waktunya walaupun terpaksa meninggalkan apa sahaja kegiatan urusiaga yang sedang dilakukan.

Perkara ini boleh diperhatikan di dalam al-Quran, ketika mana Allah SWT menegur orang-orang mukmin yang keluar meninggalkan daripada mendengar khutbah Jumaat yang sedang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW, sepertimana dalam firmanNya yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu diseru untuk sembahyang pada hari jum'at, maka hendaklah kamu pergi kepada mengingati Allah dan tinggalkanlah jualbeli. Itulah yang terlebih baik bagimu, jika kamu mengetahui. Maka apabila telah ditunakan sembahyang, bertebaranlah kamu dimuka bumi dan carilah kurnia Allah dan ingatlah akan Allah sebanyak-banyaknya, mudah-mudahan kamu berjaya."

Al-Jumu'ah: 10

Begitu juga adalah menjadi kewajipan bagi seseorang usahawan untuk melaksanakan kewajipan zakat perniagaan. Kajian menunjukkan ramai yang telah mengabaikan kewajipan ini. Ia merangkumi segala bentuk perniagaan dan pelaburan yang dihalalkan oleh syariat Islam dengan syarat bebas daripada riba dan juga produk serta perkhidmatan yang halal. Dengan mematuhi tanggungjawab agama ini sesuatu urusiaga yang dijalankan akan memberikan kebaikan dan mendatangkan *masalah* kepada peniaga sama ada di dunia mahupun di akhirat.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada pembentangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa falsafah yang dibentuk oleh Islam dalam bidang perniagaan ini adalah dengan jelas secara totalnya bertujuan untuk mendatangkan kebaikan (*masalahah*) dan menolak keburukan (*mafsadah*) kepada semua pihak yang berurusan selari dengan *maqasid al-Syariah* itu sendiri. Untuk memastikan perjalanan bidang perniagaan yang diceburi itu selari dengan landasan syariat Islam, maka perlulah diketahui konsep dan etika-etika perniagaan yang berkait dengannya. Pemahaman dan pematuhan terhadap konsep dan etika-etika yang telah dibentangkan di atas akan dapat menjamin ketelusan dan keadilan hak bagi setiap peniaga dan pengguna.